


Memelihara Sensitiviti Agama Jangan Sampai Terbabas

Ruzain Syukur Mansor

Baru-baru ini tular beberapa video tarian keranda (*coffin dance*) yang memperlihatkan beberapa orang lelaki sedang mengusung keranda sambil menari dan menyanyi. Kemudian, kisah tersebut menjadi sensasi apabila beberapa kumpulan di negara kita yang turut menjadikan tarian ini sebagai ikutan dengan memperagakan tarian sambil memikul keranda. Beberapa sumber menyatakan tarian ini berasal dari sebuah negara dengan niat tertentu mengikut adab dan budaya mereka.



Islam memandang kematian bukanlah sebagai suatu hal yang boleh dipermainkan. Adat resam sesuatu kaum mungkin berbeza, dan tidak semua sesuai dicontohi dan diikuti. Kematian dan proses yang berkaitan dengannya sepatutnya menimbulkan perasaan keinsafan dan ingatan untuk menambahkan amal ibadat sebelum dijemput Tuhan. Dalam sebuah hadis, Sahl bin Hunaif dan Qais bin Saad meriwayatkan bahawa satu jenazah diusung melintasi Nabi Muhammad SAW, maka Baginda bangun menghormati jenazah tersebut. Seorang sahabat berkata bahawa jenazah itu ialah jenazah seorang Yahudi. Maka Baginda bersabda yang bermaksud, "Tidakkah jenazah ini juga satu jiwa?" (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Isu tersebut merupakan satu contoh tahap sensitiviti agama sebahagian daripada kita. Ada pelbagai lagi isu sensitif yang sering berlegar dalam kalangan masyarakat, seperti penghinaan terhadap agama, hak penjagaan anak, perebutan tuntutan jenazah, tapak rumah ibadat, bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah, kalimah Allah, Bible versi bahasa Melayu, pertukaran agama, dan penyebaran agama lain yang dapat mengundang perasaan sensitif bagi penganut agama tertentu. Hal ini antara cabaran keharmonian negara kita yang selama ini dibina atas kesepakatan berbilang kaum dan agama. Maka itu, keperluan untuk menjaga sensitiviti agama perlu berada pada tahap sangat tinggi, dan kefahaman terhadap ruang lingkup pengamalan agama berteraskan perlembagaan perlu difahami sewajarnya.

Dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, Islam adalah agama persekutuan, manakala agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni. Peruntukan berkaitan dengan kebebasan beragama dimuatkan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11 ini satu peruntukan di bawah Bab II Perlembagaan Persekutuan, iaitu bab berkaitan dengan kebebasan asasi. Peruntukan ini menjamin kebebasan beragama kepada semua orang, tanpa mengira keturunan atau kewarganegaraan. Kebebasan beragama dalam Perkara 11 ini juga berkaitan dengan kebebasan kumpulan agama yang berhak melaksanakan hak-hak tentang agamanya atau membuat apa-apa aktiviti keagamaan, serta mempunyai hak memiliki dan mentadbir harta berlandaskan undang-undang.

Menurut Perkara 11(1), kebebasan beragama yang dimaksudkan ialah kebebasan untuk menganut

dan mengamalkan agama, serta kebebasan mengembangkan agama. Walaupun begitu, kebebasan mengembangkan doktrin agama atau kepercayaan dalam kalangan orang Islam boleh dikawal atau disekat oleh undang-undang negeri.

Penulis tidaklah berhasrat untuk memperincikan soal undang-undang dan perlembagaan, cukup dengan menyebut bahawa di balik kebebasan mengamalkan agama, ada peruntukan undang-undang yang membatasi dan menjadi rujukan. Hal ini bagi memastikan sesuatu tindakan itu tidak boleh melebihi batasan undang-undang. Malah, tindakan yang keterlaluan sehingga menyentuh isu-isu sensitiviti agama lain itu boleh menyebabkan implikasi undang-undang terpakai.

Sekadar menyentuh beberapa isu lain, antaranya termasuklah cemuhan terhadap agama yang dilakukan melalui media komik, filem mahupun tulisan yang boleh menimbulkan provokasi. Kebiasannya tokoh-tokoh agama menjadi pilihan para pencaci untuk dimalukan melalui karikatur yang tidak senonoh. Perkara ini jika tidak dikawal dengan baik akan menyebabkan perbalahan antara agama yang dimulai dengan tindakan saling membalas cemuhan. Sebagai contoh, pada Februari 2019 seorang lelaki warga emas, telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan memuat naik karikatur dan menghantar komunikasi jelic yang menghina Nabi Muhammad SAW dan isteri Baginda, Sayidatina Aisyah di Facebook. Bagi perbuatan itu, tertuduh boleh didakwa mengikut Seksyen 298 A(1) (a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun.

Menurut Islam, kebebasan beragama didasarkan kepada *Surah al-Kafirun* ayat 6 yang bermaksud, "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku." Nas al-Quran juga menegah perbuatan mencaci agama lain disebabkan perbuatan tersebut akan mengundang tindak balas yang boleh menggugat keharmonian. Allah berfirman dalam *Surah al-Hujurat* ayat 11 yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman, janganlah sesuatu puak merendah-rendahkan puak yang lain, mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka."

Sejarah mengajar kita bahawa perbalahan mudah terdetus sekiranya isu agama dan perkauman dimainkan. Rapuhnya harga sebuah perpaduan akibat mempermainkan isu sensitif sangat berbahaya kepada keharmonian kaum di negara kita. Apatah lagi isu tersebut sengaja diperbesar oleh pihak media. Malah, penyebaran berita palsu melalui aplikasi

media sosial akan lebih memburukkan keadaan. Pertelingkahan kaum yang pernah berlaku di Taman Medan sedikit masa dahulu seharusnya menjadi pengajaran hidup bertoleransi di Malaysia.

Sensitif yang positif


Namun begitu, ada juga isu sensitif yang boleh dilihat secara positif. Sebagai contohnya, sensitif terhadap isu halal. Satu kajian telah dilaksanakan oleh Mohammad Aizat Jamaludin dan Mohd Anuar Ramli berkenaan dengan Indeks Sensitiviti Halal (*Halal Sensitivity Index*). Kajian ini dilaksanakan terhadap pengusaha perusahaan kecil sederhana (PKS) di Malaysia.

Kajian ini bertitik tolak daripada isu yang berkaitan dengan segelintir pengusaha yang kurang integriti dan tidak bersikap jujur dalam usaha menghasilkan produk halal. Hal ini termasuklah penyalahgunaan logo halal dan pelabelan produk yang bersymbol keislaman, serta pemalsuan kandungan produk halal. Sikap ini menunjukkan tahap sensitiviti halal masih kurang diberikan perhatian, lalu memberikan kesan negatif terhadap perkembangan industri halal di Malaysia. Pada akhir kajian didapati para pengusaha PKS mempunyai skor tahap kesedaran yang tinggi, iaitu antara 80-100 peratus.

Hasilnya, satu Indeks Sensitiviti Halal telah dirumuskan bagi meneliti tahap sensitiviti halal dalam kalangan pengusaha PKS di Malaysia. Usaha ini sangat baik untuk menimbulkan rasa sensitif terhadap keperluan mempunyai tahap kesedaran dalam penyediaan makanan yang halal lagi baik. Pemupukan kesedaran ini perlu diperluas bagi menimbulkan kesedaran bukan sahaja kepada orang Islam, tetapi saudara kita yang bukan Islam. Kefahaman tentang makanan halal dan penyediaannya dapat pula mendekatkan mereka dengan Islam dan dapat mengelakkan mereka menimbulkan isu sensitif, seperti isu bufet halal yang dicampuradukkan dengan makanan tidak halal akibat ketidakfahaman mereka tentang isu ini.

Menjaga agama dan keharmonian berteraskan maqasid syariah

Maqasid bermaksud niat dan tujuan. Ibn 'Asyur menyebut bahawa maqasid syariah yang umum ialah maksud dan hikmah yang dikesan bagi syarak dalam keseluruhan pensyariaan hukum atau sebahagian besarnya. Al-Syatibi pula menjelaskan bahawa kajian yang muktamad menunjukkan bahawa penetapan



syariah adalah untuk kemaslahatan manusia. Seperti yang diketahui umum, maqasid syariah dalam kategori *daruriyyat* adalah untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam konteks menjaga agama, ditakrifkan sebagai memelihara agama daripada dirosakkan dan terpengaruh dengan sebarang perlakuan yang menyimpang daripada ajaran Islam sehingga membawa kepada kekufuran.

Untuk itu, bersikap baik dan mesra dengan setiap insan dalam pelbagai kaum dan agama sangat penting bagi memastikan keharmonian dapat dipupuk dalam sesebuah komuniti dan negara. Keamanan dan keselamatan merupakan perkara yang penting untuk membentuk hubungan harmoni. Oleh itu, menjaga sensitiviti agama termasuk dalam perkara menjaga keselamatan dan keamanan. Undang-undang pencegahan keganasan dan ekstremisme diwujudkan sebagai pencegah kepada perkara yang boleh mencetuskan kacau-bilau dalam masyarakat.

Sikap yang menganggap bahawa agama lain sesat, lalu bertindak mencetuskan cemuhan sehingga menyentuh sensitiviti agama adalah suatu sikap

“Bagi memahami persamaan dan perbezaan, dialog antara agama wajar diperbanyak. Saranan ini bukanlah untuk menyamaratakan agama, tetapi bagi meminimumkan salah faham dalam kalangan masyarakat majmuk.”

yang melampau. Sebaliknya, sikap kesederhanaan ditunjukkan dengan menghormati agama lain dan meraikan perbezaan antara agama. Setiap tindakan seperti mencemuh dan membuat provokasi terhadap agama lain, hanya akan mencetuskan kekacauan lalu bertindak melampau, seperti membakar rumah ibadat atau mengganggu upacara agama.

Saranan

Bagi menjaga agar elemen yang menyentuh sensitiviti agama dapat dielakkan, budaya toleransi wajar diwujudkan. Kefahaman terhadap perlembagaan rukun negara sebagai undang-undang tertinggi negara harus diberikan perhatian, serta wajib diterima dan dipatuhi oleh setiap warganegara.

Begitu juga dengan Rukun Negara Malaysia yang perlu menjadi lambang keharmonian hidup rakyat Malaysia. Kepercayaan kepada Tuhan sebagai rukun yang pertama merupakan lambang hidup berpandukan agama. Agama mengajar agar pengikutnya menjadi baik. Walaupun negara tidak menetapkan agama yang mesti diikuti oleh

warganegaranya, tetapi yang penting ialah kehidupan perlu berlandaskan ajaran agama.

Rukun Negara yang akhir, iaitu kesopanan dan kesusilaan, memberikan penekanan terhadap pemupukan akhlak yang mulia. Masyarakat Malaysia dididik dengan teras utama nilai murni, seperti menghormati orang tua, jujur dan sopan. Nilai ini yang dipupukkan sejak zaman sekolah lagi sepatutnya menjadi teras dalam hidup bermasyarakat.

Selain itu, bagi memahami persamaan dan perbezaan, dialog antara agama wajar diperbanyak. Saranan ini bukanlah untuk menyamaratakan agama, tetapi bagi meminimumkan salah faham dalam kalangan masyarakat majmuk. Namun begitu, harus juga diwujudkan had dan panduan kepada dialog ini terutamanya jika melibatkan perkara yang berkaitan dengan akidah. Wacana akademik atau seminar juga dapat meningkatkan interaksi positif dalam kalangan masyarakat majmuk, serta membincangkan kefahaman tentang nilai agama bagi membantu menangani isu sejagat yang menggugat manusia secara keseluruhannya. Dialog antara agama dapat meneruskan kesinambungan hubungan antara kaum bagi mewujudkan perpaduan, keharmonian, tolak ansur, saling menghormati dan juga menghindarkan konflik dalam kalangan masyarakat majmuk.

Maka itu, kita sebagai rakyat Malaysia harus lebih sensitif terhadap perbezaan dan persamaan yang wujud ini. Sesetengah istilah mungkin biasa bagi kita, tetapi mungkin sensitif kepada kaum dan agama lain. Janganlah mengeji atau menghina agama ataupun perayaan agama dan kaum yang lain. Ambillah ruang untuk berinteraksi dengan mereka agar kita tidak mencetuskan kontroversi akibat ketidakfahaman kita terhadap agama mereka. Santunilah persoalan mereka dengan hikmah supaya mereka juga tidak menyentuh isu sensitif dalam agama kita.

Sememangnya, memelihara isu sensitiviti agama penting untuk menjaga agama dan keharmonian hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Perkara ini banyak dibincangkan dalam bab *fiqh al-ta'ayusy (coexistence)*. Maka, banyakkannya bacaan tentang hidup bersama dalam pelbagai etnik dan agama untuk membina sebuah masyarakat yang harmoni, aman dan bersatu padu. Hal ini sekali gus memberikan gambaran kepada umum bahawa Islam agama rahmat kepada umatnya yang cinta akan keamanan, dan tidak suka akan perpecahan dan perbalahan. **DTI**